

Headline	'Tidak apa saya turun'		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	16	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	349 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,696
Frequency	Daily	PR Value	RM 41,088



HARI KEPUTERAAN AGONG

'Tidak apa saya turun'

■ **Al-Sultan Abdullah turun anak tangga singgahsana kurnia darjah kebesaran lepas lihat Ketua Pengarah FRIM bertongkat**

Kuala Lumpur

Tindakan spontan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Bilah Shah menuruni anak tangga singgahsana untuk mengurniakan darjah kebesaran membuatkan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Datuk Dr Abd Latif Mohmod berasa terharu dan dihargai.

Beliau yang ditemui pemberita selepas istiadat pengurniaan Darjah Kebesaran Persekutuan 2019 di Istana Negara semalam berkata, beliau sama sekali tidak menduga Seri Paduka

akan bertindak sedemikian selepas melihat beliau yang bertongkat akibat kecederaan yang dialaminya 10 tahun dahulu ketika bertugas.

"Saya rasa terharu. Mungkin Yang di-Pertuan Agong rasa saya susah untuk naik (anak tangga singgahsana) sebab berjalan pakai tongkat.

"Sebenarnya saya terperanjat. Tuanku beri signal (kepada saya) jangan naik (anak tangga singgahsana) dan bertitah "Tidak apa saya turun", kata Abd

Latif yang menyifatkan tindakan Seri Paduka itu sebagai satu penghargaan daripada seorang raja yang berhati mulia kepada rakyat yang cuba berbakti kepada negara.

Menurut Abd Latif, Al-Sultan Abdullah juga sempat bertanya keadaan dirinya: "Dah lama ke sakit, boleh berjalan ke?"

Menjawab pertanyaan Seri Paduka, Abd Latif memberitahu beliau boleh, tetapi tidak boleh berdiri lama kerana pernah jatuh dulu sewaktu bekerja.

Pada istiadat pengurniaan hari pertama itu, Abd Latif yang akan bersara pada tahun depan dikurniakan Darjah Panglima Jasa Negara (PJN) yang membawa gelaran Datuk.

Pada tahun ini, Yang di-Pertuan Agong berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan kepada 795 individu daripada pelbagai kategori.

"Penghargaan ini adalah kurniaan terbaik yang saya dapat di peringkat Persekutuan. Ini membuktikan kita perlu terus berbakti dan berjasa bukan untuk diri sendiri, tetapi untuk negara," katanya. - Bernama

FAKTA
Dr Abd Latif bertongkat akibat kecederaan dialaminya 10 tahun dahulu ketika bertugas



AL-SULTAN Abdullah mengurniakan Darjah Kebesaran PJN yang membawa gelaran Datuk kepada Dr Abd Latif sempena Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Bilah Shah di Istana Negara, semalam.